



MASAKAREE ARDAE@NIK MUHAMMAD SYUKRI NIK WAN

Pengimejan Sifat-sifat Allah Menurut Perspektif Salafiah

IKHTISAR: *Perbahasan tentang sifat-sifat Allah merupakan perbahasan penting, khasnya dalam persoalan akidah Islamiah. Al-Qur'an dan Al-Hadist Nabi telah menjelaskan sifat-sifat Allah dalam pelbagai sudut. Penjelasan tersebut turut diwarisi oleh golongan Salaf Soleh dan dibincangkan kemudiannya oleh para ulama akidah Islamiah. Artikel ini bertujuan mengenal-pasti fahaman terhadap pengimejan sifat-sifat Allah dalam usaha memelihara, mengukuh, dan menguatkan akidah generasi umat. Dengan kajian kualitatif dan mengumpul data perpustakaan, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian sifat Allah telah dinyatakan dalam bentuk "Mutasyabihat". Ulama akidah percaya bahawa tiada persamaan di antara Allah dan makhluk-Nya. Namun, mereka berselisih pandangan tentang imej bagi sifat-sifat Allah. Golongan Salaf Soleh tidak memberikan penjelasan yang lebih terperinci tentang imej sifat-sifat Allah. Pengikut mereka dari kalangan Salafi dan Ahli Hadist pula, turut menafikan sekeras-kerasnya tentang imej tersebut, kecuali segelintir dari kalangan para ulama Hanbaliyah. Bibit pandangan segelintir ulama Hanbaliyah turut dipertahankan dan dipelopori oleh Ibn Taymiyyah, yang percaya bahawa setiap yang ada memiliki imej tertentu dan imej bagi sifat-sifat Allah tidak termasuk dalam pengertian persamaan. Allah boleh digambarkan, hanya gambaran-Nya berbeza dengan gambaran makhluk.*

KATA KUNCI: *Pengimejan Allah; Akidah Islamiah; Ulama Salafiah.*

ABSTRACT: *"Imaging of Allah's Attributes According to the Salafiah's Perspectives". Discussion on the attributes of Allah are highly important, especially in issues regarding the Islamic creed. The Al-Qur'an and Al-Hadith of the Prophet have explained God's attributes in various angles. The explanation was also inherited by the pious predecessors and then discussed by scholars of faith. This article aims at identifying and understanding for imaging of Allah's attributes in the framework of preserving, strengthening, and strengthens the faith of the people's generation. By studying qualitatively and collecting library data, the study shows that some of God's attributes have been expressed in the form of "Mutasyabihat". Creed scholars believe that there is no equation between Allah and His creatures. However, they quarrel views on the image of the attributes of Allah. The pious predecessors did not provide a more detailed explanation of the image of God's attributes. Their followers from the creed scholars and the expert of Hadith also strongly denied the image, except for a handful of Hanbaliyah scholars. The seeds of the views of some Hanbaliyah scholars were also defended and led by Ibn Taymiyyah, that still believes that everyone has a particular image and image of God's attributes is not included in the meaning of the equation. God can be described only as His image differs from the image of the created being.*

KEY WORD: *Imaging of God; Islamic Creed; Creed Scholars.*

Mengenai Penulis: **Dr. Masakaree Ardae@Nik Muhammad Syukri Nik Wan** ialah Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam USAS (Universiti Sultan Azlan Shah), Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, Penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: masakaree@usas.edu.my

Cara Mengutip: Wan, Masakaree Ardae@Nik Muhammad Syukri Nik. (2021). "Pengimejan Sifat-sifat Allah Menurut Perspektif Salafiah" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 9(1), Maret, hlm.1-18. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press dan UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

Riwayat Artikel: Diterima (20 Januari 2021); Direvisi (17 Februari 2021); and Diterbitkan (30 Maret 2021).

PENDAHULUAN

Manusia dilahirkan dalam keadaan lemah. Kelemahan secara semula jadi telah mendorong manusia mengejar kekuatan di sekelilingnya. Antara kekuatan yang dianjurkan oleh pelbagai agama adalah Tuhan. Tuhan merupakan satu entiti kewujudan yang Maha Sempurna, seperti Maha Berkuasa, Maha Penyayang, dan sebagainya. Setiap agama menganjurkan pengikut-pengikutnya agar masing-masing menyembahkan Tuhan mereka, Yang Maha Sempurna.

Tangkapan tentang imej Tuhan turut berbeza mengikut kitab-kitab dan kepercayaan masing-masing. Namun, ada juga penganut agama yang beranggapan bahawa imej Tuhan tidak dapat ditangkapi. Agama Kristian, misalnya, percaya bahawa imej Tuhan seperti manusia; sebahagian yang beragama Islam percaya bahawa Allah tanpa imej; dan sebahagian yang lain pula percaya bahawa Allah memiliki imej yang sesuai bagi-Nya.

Kajian ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, kaedah mengumpul data perpustakaan untuk dianalisis secara kandungan, serta sorotan literatur (Zed, 2008; Kerwanto, 2018; dan Rohmanudin, 2019) – memberikan tumpuan khusus kepada pengimejan sifat-sifat Allah menurut perspektif *Salafiah*, yang mana golongan tersebut telah berusaha gigih dalam mempertahankan pandangan mereka terhadap sifat-sifat Allah berdasarkan dua sumber utama, iaitu *Al-Qur'an* dan *Al-Hadist*.

Bagi mengenal-pasti kesinambungan fahaman *Salaf Soleh*, *Salafi*, dan *Salafiah* terhadap nas-nas *Al-Qur'an* dan *Al-Hadist* berkaitan sifat-sifat Allah, kajian ini akan dimulakan dengan pengertian pengimejan, diikuti dengan fahaman *Salaf Soleh*, *Salafi*, *Salafiah*, dan diakhiri dengan kesimpulan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengertian Pengimejan. Perkataan “pengimejan” adalah imbuhan apitan kepada perkataan “imej”, yang membawa maksud proses atau perbuatan membentuk atau menghasilkan imej, seperti gambar dan sebagainya. Perkataan “imej” pula bermaksud gambaran, cerminan, bayangan; keperibadian atau watak seseorang atau sesuatu, sebagaimana yang terpapar pada pandangan atau tanggapan orang atau pihak lain; serta gambaran mental atau asosiasi idea yang timbul dalam karya sastera, terutamanya dalam puisi (DBP Malaysia, 2017).

Perkataan “imej” dalam bahasa Arab disebut sebagai *shurah* (صورة). Antara 99 nama Allah yang terbaik (*'Asma' al-Husna*) adalah *Al-Mushawwir* (المصوّر), yang bermaksud “Maha Pembentuk/Maha Menjadikan Rupa Bentuk”. Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram Ibn Manzur al-Ifriqi al-Misri, 630-711 H (Hijriah) / 1232-1311 M (Masihi), yang dikenali sebagai Ibn Manzur, seorang ulama dan penulis kamus Bahasa Arab yang paling masyhur di kalangan para ulama dan penuntut ilmu, turut menjelaskan maksud nama Allah *Al-Mushawwir* sebagai: “*Dia lah yang membentuk rupa dan menyusun semua yang ada*” (Ibn Manzur, t.th., 4:473).

Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi, 384-457 H/994-1066 M, seorang ulama besar *Al-Hadist* dari Khurasan, memberi maksud *Al-Shurah* sebagai “susunan”; *Al-Mushawwar* sebagai “bersusun”; dan *Al-Mushawwir* sebagai “penyusun”. Seterusnya, Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) mengemukakan firman Allah dalam surah *Al-Infitar*, ayat 8, sebagai berikut:

في أي صورة ما شاء ركبك

Maksudnya: Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendaknya, Ia menyusun kejadianmu (al-Baihaqi, t.th.:60).

Berdasarkan pengertian di atas, maka dimaksudkan dengan pengimejan sifat-sifat Allah di dalam artikel ini adalah perbuatan membentuk atau menghasilkan gambaran, bayangan; keperibadian atau watak sifat-sifat Allah; dan terpapar pada pandangan atau tanggapan seseorang.

Salaf dan Imej Allah. Perkataan *Salaf* berasal daripada perkataan Arab, *Al-Salaf*. Di-*itla*-kan perkataan *Al-Salaf* kepada para Sahabat Nabi, *Tabi'in*, *Tabi' al-Tabi'in*, dan orang-orang pada tiga abad pertama Hijriah, serta pengikut-pengikut mereka dari kalangan Imam Empat dan para ulama *Salaf* lain, termasuk syeikh-syeikh dan perawi-perawi *Hadist* Nabi (Al-Hafni, 1993:245).

Sejajar dengan itu, 'Abd Allah bin 'Abd al-Hamid al-Athari (1435 H), ulama *Salafiah* kontemporari di Turkey, berpendapat bahawa pengertian *Salaf* berkisar pada sekitar mereka yang hidup pada tiga abad pertama dari kalangan Sahabat, *Tabi'in*, Sahabat kepada *Tabi'in*, dan juga pengikut-pengikut mereka secara baik (al-Athari, 1435 H:27).

Demikianlah, aliran *Salaf* dari sudut *manhaj* membawa maksud generasi awal Islam yang hidup dalam lingkungan 300 tahun pertama Hijriah dan dinamakan *Salafus Salih*. Sesetengah ulama mendefinisikan *Salaf* sebagai generasi Islam yang hidup dalam lingkungan 500 tahun pertama Hijriah. Mereka juga dikenali dengan generasi ahli Madinah. Para ulama *Salaf* berkeyakinan bahawa *Al-Qur'an* merupakan sumber utama dan semua orang yang hendak memahami sifat-sifat Allah perlu merujuk kepada *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah* Nabi (Zahrah, 1996; Rosadi, 2015; dan al-Azhari, 2019:3).

Golongan *Salaf*, yang terdiri daripada para Sahabat dan *Tab'in*, menetapkan sifat-sifat Ketuhanan dan Kesempurnaan bagi Allah serta menyerahkan segala perkara yang mewahamkan kekurangan Allah kepada-Nya (Ibn Khaldun, 2004:217; Rosadi, 2015; dan Muhammadiyah, 2019).

Al-Nu'man bin Thabit al-Kufi Abu Hanifah, 80-150 H/699-767 M, seorang *Tabi'in* dan salah seorang Imam Mazhab Empat yang tinggal di kota Kufah, Iraq, pada awal abad ke-2 Hijriah, berkeyakinan bahawa Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) adalah suatu yang tidak serupa dengan sesuatu. Al-Nu'man bin Thabit al-Kufi Abu Hanifah (1971), yang dikenali sebagai Imam Abu Hanifah, turut menjelaskan pengertian sesuatu sebagai tetap adanya Allah tanpa ber-*jisim*, ber-*jauhar*, ber-*'arad*, berbatas, berlawan, dan tiada sesuatu yang setanding atau serupa dengan-Nya. Al-Nu'man bin Thabit al-Kufi Abu Hanifah (1971) tetap percaya bahawa bagi Allah, *Yad*, *Wajh* (Muka), dan *Nafs* (Jiwa), seperti dinyatakan di dalam *Al-Qur'an*, sebagai sifat *bi la kaif* (sifat yang tidak berbentuk atau berupa). Selain itu, beliau tetap tidak membenarkan terjemahan *Yad* kepada bahasa Persia (Hanifah, 1971).

Berhubung dengan melihat Allah pula, Al-Nu'man bin Thabit al-Kufi Abu Hanifah (1971) berkeyakinan bahawa Allah boleh dilihat di Akhirat nanti. Orang-orang Mukmin akan melihat Allah di Syurga dengan mata kepala mereka sendiri dalam keadaan Allah tidak serupa sesuatu, tidak berbentuk atau berupa, dan tidak mempunyai jarak di antara Allah dan makhluk-Nya (*cf* Hanifah, 1971; Atabik, 2016; dan Faizah, 2018).

Dengan nada yang hampir sama, turut disuarakan oleh Al-Imam al-Hafidz Abu Daud Sulaiman ibn al-As'ats al-Sijistani, 230-316 H/844-928 M, seorang Imam bagi penduduk Iraq pada abad ke-3 H, dan lebih dikenali sebagai Ibn Abi Daud. Al-Imam

al-Hafidz Abu Daud Sulaiman ibn al-As'ats al-Sijistani (2009) menjelaskan keyakinan beliau tentang Allah turun dengan kata, seperti berikut:

وَقُلْ يَنْزِلُ الْجَبَّارُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ بِلا كَيْفٍ

Maksudnya: Dan kata olehmu Al-Jabbar (Nama Allah) turun setiap malam tanpa tata-cara/bentuk (al-Sijistani, 2009).

Imam Malik bin Anas, 93-179 H (Hijriah) / 711-795 M (Masehi), salah seorang Imam Empat juga, yang menetap di Madinah pada abad ke-2 H dan berguru kepada *Tabi'in* dan *Tabi'-tabi'in*, telah memberikan jawapan terhadap persoalan bentuk *istiwa'* Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) di atas '*Arsy*:

الاستواء معلومٌ، والكيفُ مجهولٌ، والإيمانُ به واجبٌ، والسؤالُ عنه بدعةٌ

Maksudnya: *Istiwā'* itu *ma'lum* (diketahui/disebutkan di dalam *Al-Qur'an*) dan *kaifiyat* (tata-cara/bentuk)-nya *majhul* (tidak diketahui oleh sesiapa pun), beriman dengannya wajib dan bertanyakan tentangnya adalah *bid'ah* (Anas, t.th.).

Abu al-Qasim Hibat Allah ibn al-Hasan bin Manshur al-Thabari al-Lalika'i, meninggal pada 418 H (Hijriah) / 1027 M (Masehi), seorang *Hafiz*, *Mufti*, dan Imam *Ahlu al-Sunnah* bermazhab Syafi'i di kota Baghdad, melaporkan bahawa Sufyan bin 'Uyaynah, 107-198 H/725-814 M, berkata seperti berikut:

"Segala sifat yang dijelaskan oleh Allah terhadap diri-Nya menerusi *Al-Qur'an*, maka bacaannya ditafsirkan secara tanpa bentuk dan persamaan" (Al-Lalika'i, 1995:478).

Abu al-Qasim Hibat Allah ibn al-Hasan bin Manshur al-Thabari al-Lalika'i (1995), turut melaporkan juga kata Muhammad al-Hasan, 131-189 H (Hijriah) / 749/750-805 M (Masehi), seorang pelajar terkemuka Imam Abu Hanifah, sebagai berikut:

Semua *fuqaha* dari Timur dan Barat bersetuju untuk beriman dengan sifat Allah Yang Maha Kuasa mengikut *Al-Qur'an* dan *Al-Hadist* yang *thiqah* daripada Rasulullah SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*), tanpa penjelasan, keterangan, atau perumpamaan. Sesiapa yang menjelaskan terhadap perkara tersebut pada hari ini, maka dia telah keluar daripada ajaran Nabi dan berpisahlah daripada *Jemaah*, kerana mereka tidak menerangkan, mereka tidak menjelaskan, tetapi mereka menyatakan mengikut Kitab dan *Sunnah*, kemudian mereka berdiam diri (al-Lalika'i, 1995:480).

Abu al-Fadl 'Abdul Wahid bin 'Abd al-'Aziz bin al-Harith al-Tamimi, 341-410 H (Hijriah) / 952-1020 M (Masehi), seorang ulama bermazhab Hanbali, melaporkan tentang kepercayaan mazhab Abu 'Abdullah Ahmad bin Hanbal, 164-241 H/780-855 M, tentang Wajah Allah bahawa bagi Allah itu Wajah tidak seperti digambarkan. Selain itu, Abu al-Fadl 'Abdul Wahid bin 'Abd al-'Aziz bin al-Harith al-Tamimi (2001) mengemukakan lagi kepercayaan Ahmad bin Hanbal bahawa Ahli Bahasa menetapkan nama ini (*jisim*) terhadap segala yang panjang, lebar, tebal, susunan gambaran dan gabungan, dan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) terkeluar dari kesemua itu (al-Tamimi, 2001:17 dan 45).

Demikianlah, para ulama *Salaf* berkeyakinan bahawa Allah tidak sama seperti atau seakan sesuatu daripada makhluk-Nya. Mereka turut berkeyakinan bahawa tidak ada sesiapaupun yang berpengetahuan tentang tata-cara atau bentuk perbuatan Allah. Berhubung dengan imej pula, pandangan Al-Nu'man bin Thabit al-Kufi Abu Hanifah (1971) berkecenderungan bahawa Allah tidak memiliki imej tertentu, kerana imej adalah sifat kepada makhluk-Nya dan tiada persamaan di antara Allah dan makhluk. Manakala Imam Malik bin Anas (t.th.) pula berkeyakinan bahawa imej Allah adalah *majhul*, tidak diketahui oleh sesiapa dalam kalangan makhluk-Nya (*cf* Anas, t.th.; Hanifah, 1971; dan Hamnah, 2013).

Salafi dan Imej Allah. Menurut Abu Sa'ad 'Abd al-Karim bin Muhammad bin Mansur al-Tamimi al-Sam'ani, 506-562 H (Hijriah) / 1113-1167 M (Masehi), seorang ulama al-Syafi'i kelahiran Merv (sekarang: Turkmenistan) pada abad ke-6, perkataan *Al-Salafi* (السلفي) dinisbahkan kepada perkataan *Al-Salaf*, dan golongan ini tetap menerima apa sahaja yang mereka dengari daripada generasi *Salaf Soleh* sebelum mereka (al-Sam'ani, 1977:168).

'Abd Allah bin 'Abd al-Hamid al-Athari (1435 H) pula menyatakan bahawa perkataan *Salafi* (سلفي) merujuk kepada mana-mana golongan yang mengikut dan menjejaki pendekatan *Salaf Soleh* pada setiap zaman. Beliau turut percaya bahawa istilah tersebut digunakan bagi tujuan membezakan di antara para pengikut pendekatan *Salaf Soleh* dan lain-lain pendekatan. Demikianlah para ulama bersepakat bahawa *Al-Salafi* atau *Salafi* adalah golongan-golongan yang berpandukan pendekatan *Salaf Soleh* dalam melaksanakan segala urusan

berkaitan keagamaan mereka, seperti golongan *Ahli Hadist*, *Ahli Athar*, *Hanabilah*, dan lain-lain (al-Athari, 1435 H:32; Rosadi, 2015; dan Muhammadiyah, 2019).

Berasaskan pembicaraan tentang surah *Al-Infitar* di ayat ke-8, maka Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) berkeyakinan bahawa tidak harus bagi *Zat* Allah berbentuk susunan dan tidak juga bagi-Nya berbentuk rupa atau imej, kerana imej berpelbagai dan bentuk pula berlawanan. Oleh itu, tidak harus bagi Allah bersifat dengan sifat-sifat tersebut disebabkan berlawanan antara satu sama yang lain (Baihaqi, t.th.:60).

Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) turut mengakui bahawa keputusan dibuat mengikut nasihat ulama kalam 'Asya'irah di Nishapur, Parsi, iaitu Abu Mansur Muhammad bin al-Hasan bin Abi Ayyub al-'Ayyubi (meninggal 421 H/1030 M). Demikianlah, keputusan yang diputuskan oleh Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) masih lagi mengambil kira pandangan dan nasihat para ulama kalam (al-Baihaqi, t.th.:60; dan al-Dhahabi, 1996:573).

Ketua golongan Hanbaliah di Baghdad pada awal abad ke-5 H (Hijriah), Abi Ya'la Muhammad bin al-Husain ibn Muhammad al-Farra', 380-458 H/991-1066 M, dalam perbincangan terhadap keseluruhan kata-kata tentang sesungguhnya Allah menjadikan Adam mengikut rupa bentuk/imej-Nya; dan *ha* dirujuk kepada *Al-Rahman*

(القول بأنه خلق آدم على صورته وأن الهاء راجعة على الرحمن في إطلاق).

Abi Ya'la Muhammad bin al-Husain ibn Muhammad al-Farra' (t.th.) merumuskan bahawa rupa bentuk/imej Allah tidak sama seperti rupa-rupa bentuk dan imej-imej lain, sepertimana tiada persamaan pada penamaan *Zat* dan *Nafs* dengan *zat-zat* dan *nafs-nafs* yang lain. Rumusan Abi Ya'la Muhammad bin al-Husain ibn Muhammad al-Farra' (t.th.) menggambarkan Allah memiliki rupa bentuk yang tidak serupa sama sekali dengan rupa bentuk makhluk ciptaan-Nya (al-Farra', t.th.:81).

Qadi Abu al-Husain bin Abu Ya'la, 451-526 H/1059-1131 M, yang dikenali sebagai Ibn Abi Ya'la, iaitu seorang anak lelaki kepada Abi Ya'la Muhammad bin al-Husain ibn Muhammad al-Farra' (t.th.), turut mempertahankan bahawa akidah bapanya adalah sama seperti akidah *Salaf Salih*, iaitu sekadar mengisbatkan kewujudan sifat Allah, bukan penentuan dan pembentukan. Selain itu, Qadi Abu al-Husain bin Abu Ya'la

(t.th.) mengemukakan kenyataan bapanya tentang Allah bukan *jisim*, *jauhar*, *'arad*, tidak boleh diimajinasi dalam khayalan dan sifat-Nya tidak sama seperti sifat-sifat makhluk (al-Farra', t.th.:81; Ya'la, t.th.:208 dan 210-211; dan Rosadi, 2015).

Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2019), menerusi pencariannya, tetap berkeyakinan bahawa ulama bermazhab Hanbali mengisbatkan *Hadist* rupa Allah dan menyerahkan caranya kepada Allah. Dalam masa yang sama, mereka beriktikad bahawa Allah tidak sama dengan segala sesuatu, baik pada *Zat* mahupun pada *Sifat-Nya* (al-Azhari, 2019:42).

Abu al-Hasan al-Hanafi al-Sindi (t.th.), pensyarah bidang akidah di Universiti Islam Madinah, dalam penjelasan beliau terhadap penulisan Abu Hasan Muhammad bin 'Abd al-Malik al-Karaji al-Syafi'i, 458-532 H/1066-1138 M, melaporkan bahawa Abu Hasan Muhammad bin 'Abd al-Malik al-Karaji (t.th.) telah mengisbatkan gambaran bagi Allah menerusi *Al-Hadist* (al-Karaji, t.th.:33-34; al-Sindi, t.th.:33; dan Robbani, 2017).

رأيت ربي في أحسن صورة

Maksudnya: Aku melihat Tuhanku dalam bentuk yang sangat indah (al-Tirmizi, 1996:3234).

خلق آدم على صورته

Maksudnya: Dijadikan Nabi Adam mengikut rupa bentuk/imej-Nya.

فيأتيهم الله في صورته التي يعرفونه فيقول: أنا ربكم، فيقولون أنت ربنا

Maksudnya: Lalu Allah datang kepada mereka dalam bentuk-Nya yang telah mereka kenal. Maka Allah berfirman: "Aku Tuhan kalian". Mereka pun berkata: "Engkau Tuhan kami" (al-Bukhari, 2002:6573).

Hadist pertama turut disenaraikan oleh 'Ali Hasan 'Ali al-Halabi dan rakan-rakannya (1999) dalam koleksi *Hadist* dan khabar yang *da'if* dan *maudu'* nombor 11118 (al-Halabi *et al.*, 1999:19). Manakala *Hadist* kedua pula mirip dengan sebuah *Hadist* Riwayat *Al-Bukhari* ('Abi Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, 2002) dan *Muslim* (Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi, 2000), iaitu:

خلق الله عز وجل آدم على صورته

Maksudnya: Allah jadikan Nabi Adam mengikut rupa bentuk/imej-Nya (al-Naisaburi, 2000:7163; dan al-Bukhari, 2002:6227).

Fakh al-Din al-Razi, 544-606 H (Hijriah) / 1150-1210 M (Masehi), seorang ulama kalam Parsi, dalam perbincangan tentang pembuktian imej (اثبات الصورة) berkeyakinan bahawa *Al-Qur'an* tidak pernah menyebut perkataan *Al-Shurah*, yang boleh dikaitkan dengan sifat Allah. Namun, perkataan *Shurah* pernah disebut menerusi *Hadist-hadist* Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*). Antaranya, sabda Baginda seperti laporan Al-Bukhari ('Abi Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, 2002) dan Muslim (Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi, 2000). Demikianlah para ulama bersepakat bahawa terdapat *Hadist-hadist* sahih yang membincangkan soal imej (al-Razi, 1986; al-Naisaburi, 2000:7163; dan al-Bukhari, 2002:6227).

Berhubung laporan Imam kelahiran Madinah, iaitu Imam Malik bin Anas, 93-179 H/711-795 M, tentang penafian terhadap *Hadist-hadist* berkaitan imej, Hamud bin Abdullah bin Hamud al-Tuwaijiri, 1334-1413 H/1915-1992 M, seorang ulama kelahiran Kerajaan Arab Saudi, berpendapat bahawa status laporan berkaitan adalah lemah. Selain itu, Hamud bin Abdullah bin Hamud al-Tuwaijiri (1989) berkeyakinan bahawa Iman Malik tidak suka membincangkan permasalahan sifat Allah yang boleh mengundang persamaan Allah dengan makhluk atau membuka ruang pentakwilan terhadap hadis-hadis nabi (al-Tuwaijiri, 1989:9-10).

Sekalipun para ulama bersepakat tentang kewujudan rekod *Hadist-hadist* berstatus sahih yang membincangkan tentang imej, namun mereka masih berselisihan pandangan tentang rujukan kata ganti (*dhamir*) yang direkodkan di dalam *Hadist-hadist* berkaitan. Dilaporkan bahawa Imam Ahmad bin Hanbal, 164-241 H/780-855 M, seorang ulama *Hadist* dan juga pengasas mazhab Hanbali, sepertimana dipetik dalam *Abi Ya'la Muhammad bin al-Husain ibn Muhammad al-Farra'* (t.th.), pernah berkata sebagai berikut:

Sesiapa yang berkata sesungguhnya Allah jadikan Nabi Adam mengikut rupa bentuk/imej Nabi Adam, mereka itu tergolong dalam golongan *Jahmiy* (al-Farra', t.th.:75).

Jika laporan itu benar bermakna bahawa Imam Ahmad bin Hanbal, 164-241 H (Hijriah) / 780-855 M (Masehi), merujuk kata ganti *ha* (ه) kepada Allah. Ini berbeza dengan Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah, atau Ibn Khuzaimah,

223-311 H/837-923 M, seorang tokoh bidang *Hadist* kelahiran Khurasan, yang merujuk *Hadist* Riwayat Muslim, seperti berikut:

إذا قاتل أحدكم أخاه فليجنب الوجه فإن خلق الله آدم على صورته

Maksudnya: Apabila seseorang kamu perang saudaranya, maka jauhi dari (mencederakan) wajah. Sesungguhnya Allah jadikan Nabi Adam mengikut rupa bentuk/imej-Nya (Khuzaimah, 1988; dan al-Naisaburi, 2000:6655).

Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah (1988) berpendapat bahawa *ha* (ه) merujuk kepada wajah mangsa yang dcederakan, bukan kepada Allah; maka, maksud *Hadist* tersebut adalah Allah jadikan Nabi Adam sama seperti rupa mangsa yang dcederakan. Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) pula berpendapat bahawa tidak harus kembalikan kata ganti *ha* kepada Allah, kerana terbukti bahawa Allah tidak memiliki imej dan tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia. Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) percaya bahawa kata ganti tersebut dikembalikan kepada Nabi Adam. Demikianlah, Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah (1988) dan Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) bersepakat bahawa kata ganti *ha* tidak boleh dirujuk kepada Allah sama sekali (*cf* al-Baihaqi, t.th.:61-62; Khuzaimah, 1988:84; dan Faizah, 2018).

Pandangan Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.) tentang kata ganti *ha* berbeza dengan Ibn al-Jauzi, al-Razi, dan Ibn Manzur. Ibn Al-Jauzi, atau nama penuhnya 'Abd al-Rahman bin Abi al-Hasan ibn al-Jauzi, 510-597 H/1116-1201 M, tokoh mazhab Hanbali di kota Bahgdad, berpendapat bahawa terdapat dua mazhab. *Pertama*, berdiam diri daripada mentafsirkan; dan *kedua*, adakan perbincangan tentang maknanya. Mazhab kedua ini dapat dibahagikan kepada tiga pandangan: *pertama*, kembali kepada sebahagian keturunan Nabi Adam; *kedua*, kembali kepada Nabi Adam; dan *ketiga*, kembali kepada Allah (al-Jauzi, 1991:28-29).

Dengan nada yang sama turut dikemukakan oleh Fakh al-Din al-Razi (1986) dan Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, 773-852 H/1372-1449 M. Menurut Fakh al-Din al-Razi (1986), tiga kemungkinan bagi kata ganti *ha* dikembalikan: *pertama*, kepada sesuatu selain imej Nabi Adam dan Allah; *kedua*, kepada Adam; dan *ketiga*, kepada Allah (al-Razi, 1986:110).

Manakala Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2005), seorang tokoh *Hadist* kelahiran Mesir, dalam huraian beliau terhadap *Hadist* menyatakan seperti berikut:

إِذَا قَاتَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَجْتَنِبِ الْوَجْهَ

Maksudnya: Apabila seseorang kamu berperang, maka jauhi dari (mencederakan) wajah (cf al-Bukhari, 2002:2559; and al-'Asqalani, 2005).

Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2005) turut merumuskan perselisihan pandangan ulama terhadap kata ganti *ha* dikembalikan kepada tiga bahagian kumpulan; kebanyakan mereka merujuk kepada wajah mangsa yang dcederakan; sebahagian ulama merujuk kepada Allah dan sebahagian yang lain pula merujuk kepada Adam (al-'Asqalani, 2005, 6:391-392).

Rumusan Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2005) turut diperincikan oleh Hamud bin Abdullah bin Hamud al-Tuwaijiri (1989) dalam perbincangan beliau terhadap akidah orang-orang beriman tentang kejadian Nabi Adam mengikut gambaran *Al-Rahman* (al-Tuwaijiri, 1989:12-20; and al-'Asqalani, 2005).

Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukarram ibn Manzūr al-Ifrīqī al-Misrī (t.th.), yang dikenali sebagai Ibn Manzur, pula berpendapat bahawa kata ganti *ha* merujuk nama Allah dan berkemungkinan juga ia merujuk Nabi Adam. Jika merujuk kepada Allah, maka maknanya Allah menjadikan Nabi Adam mengikut imej yang dicipta dan ditakdirkan oleh-Nya. Jika merujuk kepada Nabi Adam pula, maka maknanya Allah menjadikan imej Nabi Adam umpama-Nya, yang mana ia berupa makhluk yang bijak mentadbir (Ibn Manzur, t.th., 4:473).

Jika kata ganti *ha* merujuk nama Allah, maka Fakh al-Din al-Razi (1986) berpendapat bahawa dimaksudkan dengan imej Allah adalah sifat keistimewaan Nabi Adam berbanding makhluk lain, seperti kemahiran berfikir, bekerja, dan mencipta. Menurut laporan Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.), ada juga yang berpandangan bahawa kesemua imej adalah milik Allah dan buatan-Nya. Sandaran imej kepada Allah merupakan kehormatan dan kemuliaan sama seperti *naqat Allah* (unta betina dari Allah), *bait Allah* (rumah Allah), *masjid Allah*, dan sebagainya. Dan ada yang berpandangan bahawa sandaran imej kepada Allah merujuk Allah mula imej

Nabi Adam tanpa contoh sebelumnya kemudian Allah cipta seperti dia. Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2005) turut merekodkan pendapat yang memberikan maksud *Al-Shurah* sebagai *Al-Sifat*, yang memberi maksud Allah menjadikan Adam mengikut sifat-Nya, seperti berilmu, hidup, mendengar, melihat, dan sebagainya. Dan sifat-sifat Allah tersebut tidak sama seperti sesuatu yang lain (al-Baihaqi, t.th.:63-64; al-Razi, 1986:115; dan al-'Asqalani, 2005, 14:129).

Pandangan seperti di atas turut dirujuk bagi menjelaskan sebuah *Hadist* yang berstatus *daif* mengikut pandangan tokoh ulama *Salafiah* kontemporari, seperti Abi 'Abd al-Rahman 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani (1986) dan Muhammad Nasir al-Din al-Bani (1988), yang menyatakan sebagai berikut:

لا تَقْبِحُوا الْوَجْهَ فَإِنَّ اللَّهَ خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُورَةِ الرَّحْمَنِ

Maksudnya: Janganlah mencederakan wajah kerana sesungguhnya (wajah) anak Adam dijadikan mengikut imej *Al-Rahman* (al-Syaibani, 1986:268 dan 498; dan al-Bani, 1988:1176).

Abi Bakr Ahmad bin Husain al-Baihaqi (t.th.); Ibn Manzur, atau nama penuhnya adalah Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukarram ibn Manzūr al-Ifrīqī al-Misrī (t.th.); Fakh al-Din al-Razi (1986); dan Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2005) sama sekali tidak menjelaskan tentang imej Allah, namun penjelasan mereka merujuk imej atau sifat Nabi Adam yang dijadikan oleh Allah. Ini membuktikan bahawa tiada kaitan di antara *Hadist* tersebut dengan imej Allah, sebaliknya ia dikaitkan dengan imej Nabi Adam *Alaihi al-Salam* (al-Baihaqi, t.th.; Ibn Manzur, t.th.; dan al-Razi, 1986).

Salafiah dan Imej Allah. Selepas lahir pelbagai teori mengenai akidah dan fahaman yang berhujah dengan logik akal dan falsafah, maka pada karun ke-7 H (Hijriah) lahir lah dalam masyarakat Islam para ulama yang mahu supaya kembali kepada sumber *Al-Qur'an* dan *Al-Sunnah*, seperti Ibn Taymiyyah, 661-728 H (Hijriah) / 1263-1328 M (Masehi), yang nama penuhnya adalah Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harrani (1426 H); dan muridnya, iaitu Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 691-751 H / 1292-1349 M, yang mana kedua-duanya daripada aliran Imam Ahmad bin Hanbal. Mulai saat itu mula diketengahkan *Salafiyah* (Ibn Taymiyyah, 1426

H; Robbani, 2017; dan Salman, 2017).

Menurut penulis dan sarjana bidang Falsafah Mesir, 'Abd al-Mun'im al-Hafni (1993), *Al-Salafiyah* adalah mereka yang mengajak atau menyeru untuk kembalikan kepada jejak perjalanan *Al-Salaf al-Saleh*. Manakala 'Abd Allah bin 'Abd al-Hamid al-Athari (1435 H) pula berpandangan bahawa perkataan *Al-Salafiyah* digunakan terhadap pengikut Kitab Allah dan *Sunnah* Rasul-Nya secara sempurna, benar, jelas, zahir, batin, serta mengikuti *al-Salaf al-Salih* pada tiga abad pertama (al-Athari, 1435 H:32; dan al-Hafni, 1993:245).

Berhubung kata ganti *ha*, Ibn Taymiyyah (1426 H), yang nama penuhnya adalah Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harrani, tetap berpendirian bahawa tiada perselisihan dalam kalangan para ulama *Salaf Soleh* pada tiga abad pertama Hijriah tentang kata ganti *ha* dirujuk kepada Allah. Pendirian Ibn Taymiyyah (1426 H) tentang imej Allah turut direkodkan oleh Hamud bin Abdullah bin Hamud al-Tuwaijiri (1989) dalam pendahuluan perbincangan beliau terhadap akidah orang-orang beriman tentang kejadian Nabi Adam mengikut gambaran *Al-Rahman*. Seterusnya, Hamud bin Abdullah bin Hamud al-Tuwaijiri (1989) berkeyakinan bahawa pandangan kata ganti *ha* dirujuk kepada Allah merupakan pandangan *Ahli Sunah wal-Jemaah* (Ibn Taymiyyah, 1426 H:373; dan al-Tuwaijiri, 1989:5 dan 19).

Ibn Taymiyyah (1426 H) turut mengemukakan pandangan yang beza dengan para ulama sebelumnya. Menurut beliau, □ setiap yang ada memiliki sifat, maka begitu juga setiap yang ada dan berdiri dengan sendiri baginya imej. Dan tiada sama sekali sesuatu yang ada, berdiri dengan sendiri tanpa imej. Berdasarkan pandangan Ibn Taymiyyah (1426 H), 'Abd Allah bin Muhammad al-Ghunaiman (1988), Ketua Jabatan Pasca Siswazah, Universiti Islam Madinah, berpendapat bahawa imej adalah sama seperti sifat-sifat yang lain. Mana-mana sifat yang diisbatkan kepada Allah menerusi wahyu, maka diwajibkan *isbat* dan beriman dengannya (Ibn Taymiyyah, 1426 H:525; dan al-Ghunaiman, 1988:41).

Dalam memberi penjelasan kepada *Hadist* riwayat Al-Bukhari dan Ahmad di atas, 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah Baz, 1330-1420 H/1910-1999 M, yang merupakan pengikut kepada Ibn Taymiyyah dan juga ulama *Salafiah* Kerajaan Arab Saudi, turut berpendapat bahawa tidak semestinya serupa

atau sama di antara Allah dan Adam. Allah menjadikan bagi Adam pendengaran, penglihatan, dan pembicaraan mengikut kehendak-Nya. Kesemua itu adalah sifat Allah, kerana Allah Maha Mendengar, Maha Melihat, dan Maha Berkata-kata. Allah memiliki Wajah bukan bermaksud serupa dan sama dengan Adam, malah imej bagi Allah bukan lah imej bagi makhluk-Nya. Demikianlah Allah jadikan Adam memiliki pendengaran, penglihatan, wajah, tangan, kaki, dan bercakap mengikut Kehendak-Nya tanpa persamaan dengan sifat-sifat-Nya. Malah Allah memiliki sifat yang sesuai bagi-Nya Yang Maha Sempurna, tiada sebarang kekurangan, kelemahan, kemusnahan, dan kehilangan berbanding dengan makhluk seperti Adam (Baz, t.th.:51-52; dan Ibn Taymiyyah, 1426 H).

'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah Baz (t.th.) turut bersandarkan firman Allah dina *Al-Qur'an*, surah *Al-Syura*, ayat 11; dan surah *Al-Ikhlash*, ayat 4, sebagai berikut:

ليس كمثلته شيء وهو السميع البصير

Maksudnya: Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya), dan Dia lah Yang Mendengar, lagi Maha Melihat (Baz, t.th.).

ولم يكن له كفوا أحد

Maksudnya: Dan tidak sesiapaupun yang serupa dengan-Nya (Baz, t.th.).

Kedua-kedua ayat di atas turut dikemukakan oleh para Sarjana Muslim, ketika memberi pandangan berhubung dengan *Hadist* tentang rupa Tuhan *Al-Rahman*. Menurut mereka, pembicaraan tentang rupa Tuhan *Al-Rahman* perlu mengambil kira kesemua nas berkaitan dengan sifat-sifat Allah yang tidak serupa dan sebanding dengan sesuatu, dan hakikat-Nya yang sebenar tidak diketahui melainkan oleh Allah sahaja (Robbani, 2017; Salman, 2017; dan Muhammadiyah, 2019).

Hadist riwayat Al-Bukhari tentang Nabi Adam dijadikan mengikut imej Allah, turut dihuraikan oleh Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 1347-1421 H (hijriah) / 1925-2001 M (Masehi), berlandaskan acuan yang nama penuhnya adalah Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harrani. Menurut Muhammad Soleh al-'Uthaimin (2008), Nabi Adam dijadikan mengikut imej Allah dengan tiada bandingan (Ibn Taymiyyah, 1426 H; al-Bukhari, 2002; dan al-'Uthaimin, 2008:646).

Huraian dibuat berasaskan imej secara keseluruhan bukan secara perinci, seperti sabda Baginda Rasulullah SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*), seperti berikut:

إن أول زمرة تدخل الجنة على صورة القمر ليلة البدر والتي تليها على أضواء
كوكبٍ دريٍّ في السماء

Maksudnya: Sesungguhnya kelompok pertama yang masuk Syurga menyerupai bentuk bulan purnama, kemudian yang berikutnya secerah cahaya bintang di langit (al-Naisaburi, 2000:7147).

Dalam memahami *Hadist* riwayat Muslim, Muhammad Soleh al-‘Uthaimin (2008) berkeyakinan bahawa bukan persamaan di antara kelompok pertama yang dimasukkan ke dalam Syurga dan bulan purnama di setiap sudut, kerana bulan tidak memiliki hidung, mata, mulut, dan sebagainya; sedangkan mereka semua memiliki anggota tersebut. Muhammad Soleh al-‘Uthaimin (2008) turut mengakui bahawa keputusan diambil berdasarkan *zahir Hadist* dan juga penafian pada firman Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*) di dalam *Al-Qur’an*, surah *Al-Syura*, ayat 11 (al-Naisaburi, 2000; dan al-‘Uthaimin, 2008:646).

Dalam hal ini, ‘Abdullah bin Muhammad al-Hasyidi, ulama kelahiran Yaman, sepertimana dipetik oleh para Sarjana Muslim, turut mempertahankan imej bagi Allah dengan berpandangan bahawa kesemua itu berkaitan dengan hak makhluk. Adapun Allah, kami menetapkan bagi-Nya imej sebagai sifat yang layak dengan Keagungan-Nya, dan tidak semestinya kami menetapkan sesuatu yang perlu ditetapkan terhadap makhluk (dalam al-Haddad, t.th.; Syafiq, 2015; dan Sya’roni, 2016).

KESIMPULAN

Bibit gambaran imej Allah telah disemai oleh Abi Ya’la Muhammad bin al-Husain ibn Muhammad al-Farra’ (t.th.) dalam golongan Hanbaliah pada awal abad ke-5 H (Hijriah) dan Abu Hasan Muhammad bin ‘Abd al-Malik al-Karaji (t.th.) yang bermazhab Al-Syafi’i pada penghujung abad ke-5 H dan awal abad ke-6 H.

Pada penghujung abad ke-7 H, akidah tentang imej Allah telah diperkasakan oleh golongan *Salafiah*, seperti Ibn Taymiyyah (1426 H), yang nama penuhnya adalah Ahmad bin ‘Abd al-Halim bin ‘Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harrani,

yang berkeyakinan bahawa setiap yang ada dan berdiri dengan sendiri baginya imej; dan tiada sama sekali sesuatu yang ada dan berdiri dengan sendiri tanpa imej. Akidah seperti ini turut dipertahankan oleh para ulama *Salafiah* kontemporari hingga ke hari ini.¹

Referensi

- al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar (2005). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, Jil.6 and 14. Riyadh: Dar al-Taibah.
- al-Athari, 'Abd Allah bin 'Abd al-Hamid. (1435 H [Hijriah]). *Al-Wajiz fi 'Aqidah al-Salaf al-Salih*. Istanbul: Al-Guraba, cetakan ke-10.
- al-Azhari, Basri bin Ibrahim al-Hasani. (2019). *Krisis Akidah antara Golongan Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang Bermanhaj Asya'irah dengan Ahli Hadis*. Selangor: Al-Hidayah.
- al-Baihaqi, Abi Bakr Ahmad bin Husain. (t.th.). *Kitab al-'Asma wa al-Sifat (Tahqiq: 'Abdullah bin Muhammad al-Hasyidi)*, Jil.2. Jiddah: Maktabah al-Suwadi.
- al-Bani, Muhammad Nasir al-Din. (1988). *Silsilah al-'Ahadith al-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah*, Jil.3. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Bukhari, 'Abi Abdullah Muhammad bin Isma'il. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Dhahabi, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1996). *Siyar 'Ilam al-Nubula'*, jil.17. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, tahqiq oleh Syu'ib al-'Arna'ut & Muhammad Naeem Alireqsousi.
- al-Farra', Abi Ya'la Muhammad bin al-Husain ibn Muhammad. (t.th.). *Ibtal al-Ta'wilat li Akhbar al-Sifat*, Jil.1. Kuwait: Dar Ilaf al-Dauliyyah, tahqiq oleh Abi 'Abd Allah Muhammad bin Hamad al-Hamud al-Najdi.
- al-Ghunaiman, 'Abd Allah bin Muhammad. (1988). *Syarh Kitab al-Tauhid min Sahih al-Bukhari*, Jil.2. Damanhur: Maktabah Linah.
- al-Haddad, Abdullah. (t.th.). *Nashoihud Diniyyah*. Surabaya: Mutiara Ilmu.
- al-Hafni, 'Abd al-Mun'im. (1993). *Mausu'ah al-Firqah wa al-Jama'at wa al-Madhabih al-Islamiyyah*. Al-Qaherah: Dar al-Rasyad.
- al-Halabi, 'Ali Hasan 'Ali et al. (1999). *Mausu'ah al-'Ahadith wa al-'Athar al-Da'ifah wa al-Maudu'ah*, Jil.5. Riyadh: Al-Ma'arif.
- al-Jauzi, 'Abd al-Rahman bin Abi al-Hasan ibn. (1991). *Dafu Syubhah al-Tasybih di Akaffi al-Tanzih*. Kaherah: Al-Kulliyat al-Azhariyyah, tahqiq oleh Muhammad Zahid al-Kauthariy.
- al-Karaji, Abu Hasan Muhammad bin 'Abd al-Malik. (t.th.). *Al-Fusul fi al-Usul 'an al-'A'imma al-Fuhul*. t.k. [tanpa kota]: Dar lu'Lu'ah, tahqiq oleh Salih bin 'Abd al-'Aziz bin 'Uthman Sindi.
- al-Lalika'i, Abu al-Qasim Hibat Allah ibn al-Hasan bin Manshur al-Thabari. (1995). *Syarh Usul al-'Itiqad Ahl Sunnah wa al-Jama'ah min al-Kitab wa al-Sunnah wa Ijma' al-Sahabah wa al-Tabi'in min ba'dhim*. Riyadh: Dar al-Tayyibah, tahqiq oleh Ahmad Sa'ad Hamdan al-Ghamidi, cetakan ke-4.
- al-Naisaburi, Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi. (2000). *Sahih Muslim*.

¹**Kenyataan:** Saya, yang bertanda tangan di bawah ini, membuat kenyataan dengan sebenar bahawa kertas kerja ini adalah karya akademik saya secara persendirian; dan jelas ianya bukan dapatan plagiat, memandangkan semua sumber yang dipetik dan disentuh, sama ada terus mahupun tak terus, wujud secara penuh dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Kertas kerja ini juga belum pernah dihantar kepada mana-mana jurnal akademik untuk diwasit dan diterbitkan, sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Saya, selaku Pengarang, bersedia menerima hukuman akademik, sekiranya mana-mana yang dinyatakan ini tidak selari dengan hakikat sebenar, atau bercanggah mengikut undang-undang dan peraturan akademik yang sedia ada.

- Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Razi, Fakh al-Din. (1986). *Asas al-Taqdis*. Al-Qaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, tahqiq oleh Ahmad Hijazi al-Saqqah.
- al-Sam'ani, Abu Sa'ad 'Abd al-Karim bin Muhammad bin Mansur al-Tamimi. (1977). *Al-'Anساب*, Jil.7. Hyderabad: Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah.
- al-Sijistani, Al-Imam al-Hafidz Abu Daud Sulaiman ibn al-As'ats. (2009). *Sunah Abi Daud*, Juz 3. Beirut: Al-Risalah al-'Alamiyah.
- al-Sindi, Abu al-Hasan al-Hanafi. (t.th.). *Syarh Sunān Ibn Mājah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, editor Khalil Ma'mun Syikha.
- al-Syaibani, Abi 'Abd al-Rahman 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. (1986). *Kitab al-Sunah*, Jil.1. Riyadh: Maktabah Ibn al-Qayyim, tahqiq oleh Muhammad Sa'id Salim al-Qahtani.
- al-Tamimi, Abu al-Fadl 'Abdul Wahid bin 'Abd al-'Aziz bin al-Harith. (2001). *T'tiqad al-Imam al-Munabbal Abi 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. (1996). *Al-Jami' al-Kabir*, Jil.5. Beirut: Dar al-Gharb, tahqiq oleh Basysyar 'Awwad Ma'ruf.
- al-Tuwaijiri, Hamud bin Abdullah bin Hamud (1989). *Aqidat Ahl al-Iman fi Khalq Adam 'ala Surah al-Rahman*. Riyadh: Dar al-Liwa'.
- al-'Uthaimin, Muhammad Soleh. (2008). *Syarh Sahih al-Bukhari*, Jil.7. Al-Qaherah: Maktabah al-Islamiyyah.
- Anas, Imam Malik bin. (t.th.). *Al-Muwaththa*. Mesir: Dar al-Ghad al-Gadeed.
- Atabik, Ahmad. (2016). "Corak Tafsir Aqidah: Kajian Komparatif Penafsiran Ayat-ayat Aqidah" dalam *ESENSIA*, Vol.17, No.2 [Oktober], ms.209-223. Wujud secara online pula di: <http://psqdigitallibrary.com/pustaka/repository/1288-2551-1-SM.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 5hb April 2020].
- Baz, 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah. (t.th.). *Fatawa Nur 'Ala al-Darb*, Jil.1. t.k. [tanpa kota]: Mu'ssasah al-Syaikh 'Abd al-'Aziz bin Baz al-Khairiyyah.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] Malaysia. (2017). *Kamus Dewan: Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP Malaysia. Wujud secara online pula di: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=imej> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 5hb April 2020].
- Faizah, Ita Nurul. (2018). "Melihat Allah dalam Pandangan seorang Mu'Tazili: Al-Qāḍī 'Abd Al-Jabbār". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Jakarta: Program Studi Aqidah dan Filsafat Islam, Fakultas Ushuluddin UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/41922/1/SKRIPSI%20PDF> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 5hb April 2020].
- Hamnah. (2013). "Kitab *Al-Muwatta'* Imam Mālik: Studi tentang Metodologi Penyusunan". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Makassar, Sulawesi Selatan: PPs UIN [Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri] Alauddin. Wujud secara online pula di: <http://repository.uin-alauddin.ac.id/2938/1/Hamnah.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 12hb April 2020].
- Hanifah, Al-Nu'man bin Thabit al-Kufi Abu. (1971). "Al-Fiqh al-Akbar" dalam Abi Muntaha [ed]. *Syarh Fiqh al-Akbar*. Karachi: Nur Muhammad, ms.3-43.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Jil.2. Damsyiq: Maktabah al-Hidayah, tahqiq oleh 'Abd Allah Muhammad al-Darwisy.
- Ibn Manzur, Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukarram ibn Manzūr al-Ifrīqī al-Misri. (t.th.). *Lisan al-'Arab*, Jilid 4. Beirut: Dar al-Sadr.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin Taymiyyah al-Harrani. (1426 H [Hijriah]). *Bayan Talbis al-Jamiyyah fi Ta'sis Bida'ihim al-Kalamiyyah*, Jil.6. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, Tahqiq: 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Karim al-Yahya.
- Kerwanto. (2018). *Metode Tafsir Eso-Eklektik*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Khuzaimah, Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin. (1988). *Kitab al-Tauhid wa Ithbat Sifat al-Rabb 'Azza wa Jalla*. Riyadh: Dar al-Rasyad, tahqiq oleh 'Abd al-'Aziz bin Ibrahim al-Syahwan.

- Muhammaddin. (2019). "Aliran Kalam Salafiyah". Wujud secara online di: <https://media.neliti.com/media/publications/40375-ID-gerakan-salaf.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 5hb April 2020].
- Robbani, Muhammad Imdad. (2017). "Salafiyah: Sejarah dan Konsepsi" dalam *TASFIYAH: Jurnal Pemikiran Islam*, Vol.1, No.2 [Agustus], hlm.245-276.
- Rohmanudin, Deden. (2019). "Sifat-sifat Allah SWT dalam Tafsir Al-Kasysyaf dan Bahrul Muhith: Sebuah Kajian Komparatif". *Thesis Diploma Tidak Diterbitkan*. Bandung: UIN SGD [Universitas Islam Negeri, Sunan Gunung Djati] Bandung.
- Rosadi, Aden. (2015). "Gerakan Salaf" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, Vol.7, No.2 [Juli-Desember], ms.194-205. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/40375-ID-gerakan-salaf.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 5hb April 2020].
- Salman, Abdul Matin bin. (2017). "Gerakan Salafiyah: Islam, Politik, dan Rigiditas Interpretasi Hukum Islam" dalam *MAZAHIB: Jurnal Pemikiran Hukum Islam*, Vol. XVI, No.2 [Desember], ms.135-152. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/229527-gerakan-salafiyah-islam-politik-dan-rigiditas.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 12hb April 2020].
- Syafiq, Amirul. (2015). "Al-Imam al-Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad R.A.". Wujud secara online di: <https://www.facebook.com/notes/mahasiswa-aswj/al-imam-al-habib-abdullah-bin-alawi-al-haddad-ra/292688110744343/> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 19hb April 2020].
- Sya'roni, Muhammad. (2016). "Konsep Pendidikan Tasawuf Menurut Habib Abdullah bin Alwi Al-Haddad: Studi Analisis Kitab Nashoihud Diniyyah". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Salatiga, Jawa Tengah: Jurusan PAI FTIK IAIN [Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, Institut Agama Islam Negeri]. Wujud secara online pula di: <http://e-repository.perpus.iainsalatiga.ac.id/1242/1/MUHAMMAD%20SYA%27RONI%28111-11-071%29.pdf> [diakses di Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: 21hb April 2020].
- Ya'la, Qadi Abu al-Husain bin Abu. (t.th.). *Tabaqat al-Hanabilah*, Jil.2. Qaherah: Al-Sunah al-Muhammadiyah, tahqiq oleh Muhammad Hamid al-Fiqi.
- Zahrah, Imam Muhammad Abu. (1996). *Aliran Politik dan 'Aqidah dalam Islam*. Jakarta: Logos Publishing House, terjemahan Abd Rahman Dahlan & Ahmad Qarib dari "Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah".
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].